PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 26 (1) Mei 2022 (058-074)

Metafora Objek Galah dan Kemudi dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif

Maulana Al-Fin Che Man
maulanaalfin91_ukm@yahoo.com
Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Nor Hashimah Jalaluddin
shima@ukm.edu.my
Institut Alam dan Tamadun Melayu,
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh terima : 1 Mei 2022
Received
Terima untuk diterbitkan : 18 Mei 2022
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2022
Published online

Abstrak

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat maritim yang terbilang. Semua pengalaman dan pengamatan yang dilalui semasa pelayaran tercoret dalam pantun tradisional Melayu. Secara jelasnya, kajian-kajian pantun sebelum ini hanya menghuraikan makna pantun secara preskriptif, deskriptif dan terhenti setakat makna kognitif manusia sahaja. Namun, kajian ini membincangkan pantun sehingga ke tahap inkuisitif iaitu melibatkan falsafah dan akal budi Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mentafsir makna tersirat metafora 'galah' dan 'kemudi' yang terdapat dalam pembayang dan makna pantun serta mencungkil falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu. Kajian ini memfokuskan objek 'galah' dan 'kemudi' yang terdapat pada pengangkutan air Melayu. Sejumlah 23 pantun yang mengandungi objek 'galah' manakala sebanyak 29 bilangan pantun yang berkaitan dengan objek 'kemudi' telah ditemui. Kajian ini mengaplikasikan Teori Relevans melalui konsep ad-hoc dan pendekatan semantik inkuisitif bagi mencungkil falsafah pemilihan kedua-dua objek tersebut. Pendekatan semantik inkuisitif ini menggabungkan data, teori, kognitif dan budaya bagi menyerlahkan falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu. Analisis mendapati bahawa objek yang berkaitan maritim mengandungi makna tersirat tentang konsep kehidupan. Kajian ini membuktikan bahawa 'galah' dan 'kemudi' merujuk kepada haluan hidup berkasih sayang pada peringkat permulaan dan seterusnya. Kajian ini telah memberi sudut pandang baharu dalam penafsiran makna pantun Melayu serta membuka ruang yang lebih luas dalam kajian linguistik iaitu lebih bersifat multidisiplin dan tidak terbatas kepada teori linguistik sahaja.

Kata kunci: metafora, pantun, maritim, semantik inkuisitif, akal budi,

The Metaphor Of "Galah" and "Kemudi" In Malay Pantun: An Inquisitive Semantic Analysis

Abstract

The Malay is a distinguished maritime community. The voyage's experiences and observations are written in traditional Malay pantun. Previous studies of pantun have clearly stated the prescriptive, descriptive, and cognitive

meanings of pantuns. Nonetheless, this study investigates the pantuns, which involve the Malay philosophy and mind. This study seeks to interpret the metaphorical meanings of 'galah' and 'kemudi' in the pantuns' allusions and meanings and disclose Malay philosophy and mind. This study is limited to "galah" and "kemudi" objects in Malay water transportation. 23 pantuns bearing the word 'galah' and 29 pantuns relating to 'kemudi' were collected. This study applies Relevance Theory via ad-hoc concepts and an inquisitive semantic approach to extract the philosophy underlying the selection of the two objects. This inquisitive semantic analysis integrates data, theory, cognition, and culture to showcase Malay philosophy and mind. The study revealed that marine objects limited the implicit connotations of the idea of life. This study demonstrates that 'galah' and 'kemudi' reflect the commencement and direction of a love life. This study has brought new insight into the interpretation of the meaning of Malay pantuns. It has expanded the scope of linguistic studies, which is no longer limited to linguistic theory alone.

***Keywords**: metaphor, pantun, maritime, semantic inquisitive, mind*

---

1. Pengenalan

Pantun Melayu dicipta dengan mengandungi ketinggian ilmu yang mampu mendidik masyarakat. Pantun ialah khazanah agung Melayu yang tidak mati ditelan zaman. Dalam bentuk yang ringkas dan padat pantun mampu memancarkan akal budi, keintelektualan Melayu dan falsafah ilmu di dalamnya. Sesuai dengan pendapat Hassan Ahmad (2016) dalam mencipta sesebuah karya harus diselitkan dengan kehalusan perasaan, budi pekerti dan kebijaksanaan tidak kira dalam bentuk peribahasa, prosa, puisi mahupun hikayat yang penuh dengan makna tersurat dan tersirat. Melalui pantun, masyarakat Melayu mampu mengamati alam sekeliling dan dijadikan sebagai metafora dalam penciptaan pantun. Bertitik tolak daripada keunikan penciptaan pantun tersebut, kajian ini memberi fokus kepada penelitian makna metafora ‘galah’ dan ‘kemudi’ yang terkandung dalam pantun Melayu. Metafora mempunyai ciri-ciri seperti kejanggalan dan ketegangan semantik yang berlaku pada tahap bahasa, pragmatik dan konseptual serta terhasil daripada perubahan dalam penggunaan domain (Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran-Ho Abdullah 2017).

Dalam karya Aritotle *Poetica* telah menyatakan metafora terbentuk apabila sesuatu benda diberi nama (yakni makna) yang dimiliki oleh benda lain berdasarkan analogi atau persamaan di antara keduanya (Hassan Ahmad 2016). Aristotle telah menggariskan tiga ciri-ciri metafora iaitu pertama metafora berlaku pada peringkat perkataan, tidak pada peringkat ayat; kedua, menganggap metafora ialah penyelewengan atau penyimpangan daripada makna asal atau harfiah; dan ketiga metafora dibentuk berdasarkan persamaan ciri-ciri antara dua benda. Cruse Alan (2000) menyebut *the subtitution view of methapor* yang menganggap bahawa metafora ialah makna tersirat yang menggantikan makna literal pada perkataan asal. Dalam kata lain, manusia cuba melihat sesuatu berdasarkan sesuatu yang lain melalui metafora.

Kajian ini mendapati bahawa pantun Melayu sarat dengan konsep metafora yang terkandung di dalamnya. Hasil penelitian terhadap pantun KKMS, kajian ini telah menemui pelbagai leksikal yang melibatkan kemahiran orang Melayu dalam membina dan mencipta pengangkutan air. Objek-objek yang digunakan dalam pantun Melayu merupakan metafora yang perlu dilihat secara lebih mendalam supaya dapat mencungkil makna sebenar pantun. Melalui kajian ini fokus utama adalah terhadap objek ‘galah’ dan ‘kemudi’ yang merupakan bahagian terpenting dalam pembinaan sesebuah pengangkutan air. Masyarakat Melayu menjadi objek ‘galah’ dan ‘kemudi’ ini sebagai salah satu bentuk metafora dalam penciptaan pantun. Berikut merupakan ciri distingtif yang terdapat pada kemudi dan galah yang digunakan sebagai penentu haluan kapal dan rakit.

Jadual 1 Ciri-Ciri Distingtif Kemudi Dan Galah

Kemudi	Galah
1. Terdapat pada pengangkutan air yang besar 2. Guna di lautan dalam 3. Muatan maksimum 4. Penumpang ramai 5. Kukuh dan kuat 6. Diperbuat daripada cengal	1. Terdapat pada pengangkutan air kecil 2. Guna di sungai/tasik/pesisir laut 3. Muatan minimum 4. Penumpang sedikit (2-3 orang) 5. Rapuh dan tidak kukuh 6. Diperbuat daripada buluh

Ciri-ciri distingtif dalam Jadual 1 menunjukkan perbezaan di antara ciri-ciri yang terdapat pada kemudi dan galah. Ciri-ciri ini dapat membantu huraian makna dan falsafah di sebalik kemudi dan galah.

2. Kajian Lepas

Kajian Manifestasi Perpaduan Dalam Era Malaysia Baharu Melalui Kumpulan Pantun Warisan oleh Madiawati Mamat@ Mustaffa, Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain (2020) meneliti perpaduan dalam berbilang kaum di Malaysia. Kajian ini melibatkan kaedah analisis kandungan teks yang menggunakan konsep perpaduan sebagai teras perbincangan. Konsep Perpaduan merangkumi nilai budi bahasa, sopan santun, bersatu padu dan hormat menghormati antara satu sama lain. Data diperolehi daripada Kumpulan Pantun Warisan Khazanah Budaya Bangsa (2013). Hasil kajian mendapati bahawa warisan dan khazanah pantun Melayu mampu merentasi zaman dalam memelihara nilai perpaduan negara. Seterusnya Khairulanwar Abdul Ghani dan Noriah Mohamed (2019) telah menganalisis Semiotik Terhadap Konsepsi Lambang Flora dalam Pantun Nasihat. Fokus utama adalah mengenal pasti dan menganalisis simbol flora dalam pantun Kurik Kundi Merah Saga yang bertemakan nasihat. Kajian lepas ini memanfaatkan kerangka semiotik Micheal Riffaterre (1978). Dapatan kajian menunjukkan bahawa lambang flora dalam pembayang pantun mendukung makna tersirat yang berfungsi sebagai nasihat dan teguran kepada masyarakat lantas menganalogikan alam flora dengan perilaku, benda dan peristiwa yang terjadi di persekitaran mereka.

Kajian Metafora Bunga Kiambang Dalam Pantun Melayu Berdasarkan Teori Relevans Dan Rangka Rujuk Silang oleh Zarina Tajuddin & Anida Saruddin (2018) yang melihat bunga kiambang sebagai metafora dalam pantun Melayu. Analisis kajian ini menggunakan Teori Relevans dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Hasil daripada analisis kajian ini dapat menyerlahkan makna tersirat metafora kiambang pada tahap kedua iaitu huraian makna pada peringkat kognitif manusia. Selanjutnya kajian Unsur Maritim Dalam Pantun Perkahwinan Cocos di Sabah oleh Isa Romtie, Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad (2018). Pengkaji-pengkaji lepas telah mengumpulkan pantun dari Etnik Cocos di Sabah yang semakin berkurangan. Kaedah kualitatif seperti temu bual dan kepustakaan digunakan dalam usaha pengumpulan pantun Etnik Cocos bagi melihat persamaan dan perbezaan antara pantun Cocos dan pantun Melayu. Kajian ini mengetengahkan pendekatan Muhammad Haji Salleh dalam Puitika Sastera Melayu (2000). Pengkaji lepas menggunakan salah satu daripada enam pendekatan iaitu Dunia Berjodoh yang telah dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh. Hasil kajian sekadar mengenal pasti dan menganalisis pantun Cocos pada tahap huraian maksud pantun secara harfiah atau makan tersurat sahaja.

Selain itu, kajian Makanan dalam Pembayang Pantun Melayu berdasarkan Kumpulan Kurik Kundi Merah Saga: Satu Pengamatan Awal oleh Khalila Ilia Ismail dan Mohd Faizal Musa (2014) yang meneliti tentang unsur makanan dalam pembayang pantun dari segi peranan dan fungsinya. Beliau menghuraikan 8 rangkap pantun daripada 5168 rangkap pantun melalui empat kategori iaitu makanan dan peranan, makanan dan resipi, makanan dan penyediaan, dan makanan sahaja. Berdasarkan empat kategori

ini, pengkaji-pengkaji lepas ini sekadar menerangkan tentang makna yang terdapat pada pantun yang dipilih dan tidak menghuraikan secara mendalam faktor pemilihan makanan dalam pantun Melayu. Kajian yang dijalankan oleh Nurul Aminah dan Hasnah Mohamad (2014) telah mengenal pasti dan menganalisis pantun Melayu KKMS dari perspektif semiotik. Pengkaji lepas menggunakan teori pensemiotikan puisi Riffaterre bagi menganalisis data pantun yang dipilih. Hasil kajian dapat mengurangkan kesukaran untuk membuat interpretasi terhadap sesuatu lambang atau unsur yang terdapat dalam sesuatu perkataan dan seterusnya memahami perkara yang hendak disampaikan melalui tafsiran lambang-lambang berkenaan di samping dapat memberikan pemahaman yang tepat berdasarkan makna pantun sebenar. Berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan dengan pantun dan kajian maritim yang telah diteliti oleh pengkaji, didapati bahawa kebanyakan pengkaji pantun yang lepas telah membincangkan pantun secara preskritif dan deskriptif sahaja. Analisis kajian lepas terfokus pada tahap pertama dan kedua kajian semantik iaitu pada tahap literal dan kognitif sahaja. Oleh itu, kajian ini mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif supaya makna sebenar pantun yang mengandungi objek ‘galah’ dan ‘kemudi’ dapat dicungkil sehingga tahap ketiga, iaitu dengan menerokai falsafah dan akal budi Melayu. Kajian metafora ‘galah’ dan ‘kemudi’ dalam pantun merupakan salah satu kelompangan yang perlu dijalankan agar menjadi nilai tambah bagi pengkajian pantun di Malaysia.

Persoalan awal yang dapat dibuat adalah dengan menganalogikan GALAH ITU KAKI dan KEMUDI ITU KAKI. Jadi, dalam sorotan kajian lepas mengenai pengkajian metafora “kaki”, pengkaji telah menemui beberapa kajian yang pernah dijalankan iaitu kajian oleh Charteris Black (2000, 2003) dan Hassan Ahmad (2003). Kedua-dua pengkaji lepas ini telah melihat kajian terhadap metafora ‘kaki’ dalam peribahasa, simpulan bahasa dan pantun yang merujuk kepada anatomi badan manusia. Black melihat ‘kaki’ sebagai sisi lokasi yang bermula daripada anggota badan berfungsi untuk bergerak kemudian ‘kaki’ berubah menggambarkan sisi atau lokasi seperti kaki kain dan kaki bukit. Di samping itu juga, Black menyatakan bahawa perubahan makna berlaku kerana berlakunya perubahan kunci konseptual yang menggambarkan SEORANG YANG KETAGIH UNTUK MELAKUKAN SESUATU YANG BURUK contohnya kaki judi, kaki botol, dan kaki perempuan. Namun dalam kajian yang dijalankan oleh Black sebelum ini gagal untuk menerangkan sebab ‘kaki’ dipilih bagi menggambarkan makna simpulan bahasa tersebut.

Rentetan daripada kajian Black, Hassan Ahmad cuba melihat ‘kaki’ melalui pemikiran Melayu dengan menjelaskan proses kognitif sebenar yang berlaku berdasarkan konteks dan pengalaman masyarakat Melayu. Menurut Hassan Ahmad ‘kaki’ mempunyai makna “kuat” (merujuk kepada fisiologi manusia). Dari segi pragmatiknya, kaki botol, dan kaki perempuan menunjukkan bahawa seseorang yang kuat minum arak dan kuat memainkan hati perempuan. Di sini menunjukkan bahawa Hassan Ahmad berjaya menerangkan persoalan kenapa ‘kaki’ dipilih sebagai unsur dalam sesebuah simpulan bahasa. Oleh itu, kajian ini mahu mencungkil falsafah dan akal budi di sebalik metafora ‘galah’ dan ‘kemudi’ sehingga terjawab persoalan kenapa ‘kemudi’ itu boleh dianggap sebagai ‘kaki’ dalam pantun Melayu dengan mengaplikasikan konsep ad-hoc dan pendekatan semantik inkuisitif oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014).


Justifikasi pemilihan ‘galah’ dan ‘kemudi’ sebagai objek utama dalam kajian ini adalah kerana kedua-dua objek ini merupakan bahagian terpenting dalam sesebuah pengangkutan air. Dalam kajian ini ‘galah’ dan ‘kemudi’ dilihat sebagai ‘kaki’ kerana memiliki fungsi yang sama iaitu sebagai penentu arah atau haluan. Kajian ini mencungkil makna ‘galah’ dan ‘kemudi’ sebagai ‘kaki’ hingga ke peringkat falsafah dan akal budi Melayu dengan menggabungkan konsep ad-hoc dan pendekatan semantik inkuisitf.

3. **Metodologi Kajian**

Sesebuah kajian atau penyelidikan ilmiah dan saintifik memerlukan metodologi yang terancang dan sistematik. Metodologi kajian yang sesuai dapat membantu proses mengenal pasti data kajian supaya data yang dipilih tepat, tersusun dan seterusnya dapat dianalisis dengan menggunakan kerangka teori dan

pendekatan yang sesuai. Kajian ini mengaplikasikan konsep ad-hoc dalam Teori Relevans dan pendekatan semantik inkuisitif bagi menerokai falsafah dan akal budi dalam pantun Melayu. Data primer yang digunakan dalam kajian ini diperoleh daripada buku Kumpulan Pantun Lisan Kurik Kundi Merah Saga (2013) oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan data dilakukan dengan mengenal pasti leksikal 'galah' dan 'kemudi' dalam pantun. Di sini pengkaji menyatakan bahawa batasan analisis kajian ini adalah pada mengenal pasti dan penginterpretasian makna pantun secara tersirat seterusnya menghurai falsafah dan akal budi yang terkandung dalam pantun Melayu.

Bagi menganalisis data pantun yang mengandungi objek 'galah' dan 'kemudi' maka kajian ini mengabungkan konsep *ad-hoc* (Cartson 2002a) dan pendekatan semantik inkuisitf (Nor Hashimah Jalaluddin 2014). Gabungan ini mampu memberikan tafsiran terbaik bagi maksud pantun yang mengandungi leksikal 'galah' dan 'kemudi'. Kajian-kajian makna lepas kebanyakannya hanya terhenti setakat peringkat kognitif sahaja. Oleh hal yang demikian, pendekatan semantik inkuisitif ini diperlukan untuk menghuraikan falsafah dan akal budi Melayu (Nor Hashimah Jalaluddin 2015). Rajah 1 di bawah menggambarkan aliran analisis semantik inkuisitif:



Rajah 1 Aliran pendekatan semantik inkuisitif
Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin (2020)

Analisis dimulakan dengan peringkat pertama iaitu dengan mengemukakan tafsiran secara harfiah iaitu maksud yang tersurat dalam pantun Melayu. Selanjutnya, analisis diteruskan kepada peringkat kedua iaitu penafsiran makna tersirat dengan menggunakan konsep *ad-hoc* (Cartson 2002a) yang merupakan subkonsep Teori Relevans. Berdasarkan teori ini, penginterpretasian sesuatu ujaran akan mengambil kira tiga perkara iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Kesan kognitif ini merupakan andaian awal pada pembaca/pendengar berkaitan maklumat yang relevan sahaja dengan dirinya. Semakin banyak kesan kognitif, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran itu. Andaian awal yang telah sedia ada pada pembaca/pendengar akan mengalami proses penggabungan, penguatan atau pengguguran konteks untuk menghasilkan kesan kognitif dalam sesuatu perbualan. Akhirnya, dalam peringkat kedua ini inferens yang paling tepat terhasil dan dipilih sebagai maksud tersirat yang ingin disampaikan. Seterusnya, pada peringkat ketiga ialah analisis, persoalan 'kenapa' dianggap sebagai metodologi terbaik untuk merungkaikan sesuatu persoalan diguna pakai semasa menganalisis. Hal ini demikian kerana, Teori Relevans pada peringkat kedua belum berjaya untuk menerangkan maksud ujaran pantun ke tahap falsafah dan akal budi. Pada peringkat ketiga ini, penelitian yang dilakukan adalah lebih mendalam sifatnya (Nor Hashimah 2015). Dengan itu, pendekatan semantik inkuisitif diperlukan untuk menghurai falsafah Melayu yang terkandung dalam pantun. Pengaplikasian pendekatan semantik inkuisitif ini menggabungkan data, teori, kognitif dan falsafah sehingga terhasilnya akal budi (Nor Hashimah 2014).

Pada peringkat 3 ini, makna abstrak dipetakan kepada konkrit. Di sini wujudnya ruang mental. Ruang mental ini harus dipenuhi dengan maklumat falsafah dan budaya penutur bagi mendapatkan makna sebenar yang hendak dicapai. Setelah ditambah maklumat falsafah dan budaya, maka secara tidak langsung akal budi penuturnya dapat diserlahkan. Contohnya, pemetaan 'galah' dan 'kemudi' (domain sumber) kepada 'kaki' (domain sasaran) terdapat ruang mental yang perlu diisi dengan maklumat tambahan lain seperti pengalaman. 'Kaki' di sini tidaklah dilihat sebagai kaki fizikal, namun dilihat pada fungsi 'kaki' yang membawa dan menentukan arah atau haluan. Proses kognitif dilengkapkan dengan maklumat budaya dan falsafah di ruang mental ini. Seterusnya peringkat ketiga ini dapat menjawab persoalan kenapa objek 'galah' dan 'kemudi' dipilih dalam pantun tersebut.

4. Analisis Dapatan Dan Perbincangan

Data pantun dalam kajian ini diperoleh daripada buku Kurik Kundi Merah Saga (2013) sahaja. Jadual 2 merupakan paparan dapatan data pantun mengikut kekerapan leksikal bahagian-bahagian pengangkutan air yang terdapat dalam pantun.

Jadual 2 Bilangan dan peratusan pantun mengikut bahagian-bahagian pengangkutan air

Domain geografi tempat	**Bilangan pantun**	**Peratusan (%)**
Kemudi	36	31.3
Galah	23	20.0
Dayung	20	17.4
Haluan	20	17.4
Layar	10	8.8
Tiang	4	3.5
Buritan	1	0.8
Serombong	1	0.8
Jumlah	115	100

Data yang dipaparkan dalam Jadual 2 telah dikelompokkan berdasarkan bahagian-bahagian pengangkutan air yang terdapat dalam pantun. Hal ini bertujuan untuk menjadikan data lebih terfokus. Antaranya ialah 'kemudi', 'galah', 'dayung', 'haluan', 'layar', 'tiang', 'buritan' dan 'serombong'. Pantun yang mengandungi leksikal 'kemudi' merupakan bilangan tertinggi, iaitu sebanyak 36 rangkap pantun, manakala bilangan 'galah' menduduki tangga kedua, iaitu sebanyak 23 rangkap pantun. Kajian ini memilih dua rangkap pantun yang mengandungi leksikal 'galah' dan 'kemudi' untuk dijadikan contoh analisis kajian ini, manakala pantun-pantun lainnya dijadikan data yang menyokong pembahasan. Analisa dimulai dengan pantun 'galah' dan diikuti dengan pantun 'kemudi'.

4.1. Pantun Galah

Bahagian ini menumpukan analisis secara terperinci tentang pantun yang mengandungi objek 'galah'. Galah merupakan batang yang panjang diperbuat daripada buluh atau kayu dan digunakan untuk menggerakkan rakit.

Pantun 1

Galah tak sampai disambung dua,
Lancang tenggelam kita berenang;
Boleh jumpa dengan orang tua,
Boleh abang kira meminang.

4.1.1. Tahap Pertama

Berdasarkan Pantun 1, makna secara literal yang boleh dihuraikan adalah tentang struktur atau tahap kepanjangan galah yang tidak mencukupi untuk dijadikan sebagai alat kemudi bagi pengangkutan air. Hal ini menyebabkan lancang tersebut boleh tenggelam kerana tidak dapat dikemudikan dengan baik. Hal ini menyebabkan penumpang yang menaiki lancang tersebut perlu berenang ke tepian. Pada baris makna Pantun 1, pemantun menyatakan tentang proses untuk meminang yang dimulai dengan bertemu dengan orang tua calon pasangan terlebih dahulu dan diikuti dengan proses seterusnya.

4.1.2. Tahap Kedua

Tahap kedua merupakan huraian proses makna yang berlaku di peringkat kognitif manusia. Proses pembentukan makna pada peringkat kognitif manusia berlaku sangat pantas. Bagi menunjukkan proses pemetaan tersebut, pengkaji menggunakan konsep ad-hoc yang diperjelaskan oleh Cartson (2002b). Konsep ad-hoc yang merupakan subkonsep Teori Relevans ini digunakan bagi menunjukkan proses pemetaan abstrak kepada konkrit. Proses ini dimulakan dengan memahami bentuk-bentuk logik leksikal "galah".

Jadual 3 Analisis eksplikatur – bentuk logik leksikal "galah"

Eksplikatur	**Bentuk logik**
Galah	GALAH = batang yang diperbuat daripada buluh atau kayu untuk mengubah haluan rakit atau perahu. (Kamus Dewan Perdana 2020)

Selepas bentuk logik dibentuk dan difahami secara asas, seterusnya adalah proses pengukuhan maklumat ensiklopedia pada pendengar atau pembaca pantun. Bentuk logik yang terhasil akan lebih mudah untuk mencapai tahap kerelevanan tertinggi jika pendengar atau pembaca berada dalam lingkungan persekitaran kognitif pemantun. Maklumat ensiklopedia yang dapat dihasilkan adalah seperti GALAH MESTI PANJANG, GALAH BERSIFAT RAPUH DAN TIDAK KUAT, BOLEH SAMPAI KE DASAR SUNGAI, BOLEH MENUKAR HALUAN RAKIT dan DIGUNAKAN DI TEMPAT YANG CETEK. Maklumat-maklumat ensiklopedia yang terhasil ini adalah daripada pengetahuan sedia ada dan pengalaman yang dilalui oleh pendengar atau pembaca. Maklumat ensiklopedia dapat dikukuhkan dengan kolokasi yang terdapat dalam data korpus DBP seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4 Sumber korpus DBP untuk carian kolokasi leksikal "galah"

1.	Ada anak buahnya yang mencapai ***galah*** di tengah ruang perahu untuk membantu Ukong mengawalnya.
2.	(Kepada AWAK-AWAK KAPAL) Kamu semua jangan mengalah walaupun dengan sebatang ***galah***! JURAGAN: Kita dapatkan bahtera Tuanku!
3.	Kemudian tukang ***galah*** yang sudah tebing itu menghulorkan galah-nya kapada rakan-nya …
4.	… di air tohor, Sofian membantu menolak bot dengan ***galah*** itu.
5.	Lola bangkit dan mengukur dalamnya air dengan ****galah***.

Jadual 4 menunjukkan kolokasi penggunaan leksikal 'galah' bagi mengukuhkan maklumat ensiklopedia pendengar atau pembaca. Sumber korpus DBP ini dapat menunjukkan bentuk dan ciri-ciri galah yang dapat membantu memperkukuh atau menguatkan maklumat ensiklopedia sedia ada pendengar atau pembaca. Contohnya kolokasi berkaitan dengan ciri-ciri galah tersebut iaitu panjang galah digunakan

untuk mengukur kedalaman dan kecetekan air sama ada di sungai ataupun di tasik. Analisis seterusnya adalah proses penyempitan makna setelah pengukuhan maklumat ensiklopedia dilakukan. Proses ini adalah untuk menginterpretasikan makna metafora ‘galah’. Rajah 2 merupakan proses ad-hoc penyempitan bagi metafora ‘galah’.



Rajah 2 Laluan inferens GALAH


Selepas memadankan bentuk logik dan maklumat ensiklopedia, Rajah 2 menunjukkan laluan inferens yang terbentuk daripada eksplikatur GALAH kepada konsep fizikal KAKI. Bermula daripada pemahaman konsep fizikal ini, pendengar atau pembaca dapat menyempitkan pemahaman dengan menghasilkan konsep HALUAN* yang membawa arah tujuan. GALAH merupakan objek yang digunakan untuk menggerakkan dan mengubah arah pergerakan rakit atau perahu kecil di sungai mahupun tasik. Hal ini dianalogikan oleh pengkaji sama dengan fungsi kaki yang menentukan arah perjalanan seseorang. Kaki merupakan salah satu bahagian anggota badan yang mampu membawa manusia ke mana arah yang ingin ditujui. Kaki ialah anggota badan di bahagian bawah yang digunakan untuk berjalan dan bergerak ke sesuatu tempat (Kamus Dewan Perdana 2020). Selain itu, kaki turut digunakan untuk merujuk kepada bahagian bawah sesuatu contohnya seperti kaki meja, kaki kerusi, kaki gunung, kaki langit dan juga kaki seluar (Hassan Ahmad 2016). Oleh hal yang demikian, pengkaji menganalogikan GALAH kepada HALUAN* disebabkan oleh kedudukannya di bahagian bawah dan fungsi GALAH sama dengan KAKI.

Setelah analisis proses penyempitan makna GALAH dijalankan, maka lapisan implikatur boleh dikesan oleh pendengar atau pembaca dengan lebih jelas. Pendengar atau pembaca boleh memahami bahawa Pantun 1 merupakan ujaran yang diekspresikan dan bukan ujaran yang dikomunikasikan. Berikut merupakan senarai inferens yang bakal ditolak dan bakal dipilih oleh pendengar atau pembaca untuk mencapai tahap relevan secara optimum.

a. GALAH ITU BATANG YANG PANJANG
b. DIPERBUAT DARIPADA BULUH ATAU KAYU
c. GALAH ITU RAPUH
d. GALAH ITU KAKI
e. GALAH ITU HALUAN*

Interpretasi (a) merupakan makna harfiah yang bersifat selapis dan tidak mengandungi unsur kekaburan, lantas andaian ini tertolak secara langsung. Pilihan (b) juga tidak dipilih kerana tidak mempunyai makna metaforanya kerana menerangkan tentang galah tersebut yang diperbuat daripada bahan seperti buluh dan kayu. Pilihan (c) ada menunjukkan aktiviti mental yang membayangkan ciri galah tersebut iaitu bersifat rapuh dan tidak kuat manakala pilihan (d) juga menunjukkan aktiviti mental yang berbentuk metonimi apabila galah itu merujuk kepada arah. Namun begitu, pilihan (d) belum mencapai makna metafora yang ingin disampaikan dalam pantun tersebut. Berdasarkan andaian kontekstual dan kesan kognitif yang tinggi sebelum ini, pilihan (e) ialah inferens yang paling relevan dan membawa kepada makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pemantun. Hal ini disebabkan oleh

persamaan kedudukan dan fungsi di antara GALAH dan HALUAN* yang mengandungi makna ‘arah’ secara abstraknya. Berikut merupakan gambar rajah Venn bagi menunjukkan proses kognitif yang terjadi dalam minda manusia berdasarkan inferens yang telah dihasilkan.



Rajah 3 Proses ad-hoc penyempitan leksikal GALAH

Inferens yang dihasilkan boleh berlanjutan sekiranya tidak dikawal. Sungguhpun begitu, inferens tersebut perlulah mempunyai kaitan dengan maksud GALAH. Penafsiran GALAH kepada HALUAN* adalah kerana kedua-duanya mengandungi makna penentu haluan atau arah. Melalui konteks Pantun 1, GALAH merupakan HALUAN yang menentukan arah hubungan percintaan. Analisis ini tidak terhenti pada peringkat kognitif sahaja. Namun, analisis ini bergerak ke tahap ketiga yang melibatkan falsafah dan akal budi Melayu. Berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif, huraian makna bagi sesebuah ujaran metafora memerlukan satu tahap lagi iaitu dengan mengaitkan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu yang mengujarkan bahasa tersebut.

4.1.3. Tahap Ketiga

Pada tahap ketiga ini, segala persoalan akan terjawab. Antaranya ialah persoalan tentang sebab orang Melayu menggunakan objek “galah” dalam pantun tersebut. Persoalan “kenapa” galah dianalogikan kepada arah percintaan juga akan terjawab pada tahap ketiga ini. Secara umumnya telah dijelaskan bahawa galah merupakan salah satu alat yang digunakan untuk mengemudi rakit dan pengangkutan air yang bersaiz kecil sahaja. Secara lahiriah dan logiknya juga galah hanya lebih sesuai digunakan di kawasan air cetek, contohnya seperti sungai, tasik dan pesisir pantai sahaja. Galah diperbuat daripada sebatang buluh atau kayu sahaja. Oleh itu, galah bersifat tidak kukuh, tidak kuat dan mudah patah. Galah bersifat tidak tahan lama dan mudah dimakan bubuk jika tidak disimpan dengan baik. Masyarakat Melayu terdahulu menggunakan galah untuk mengerakkan pengangkutan air yang lebih ringan dan kecil seperti rakit. Fungsi galah sangat jelas iaitu menentukan arah dan haluan rakit ketika hanyut di sungai. Hal ini demikian kerana, rakit tidak mempunyai layar dan bergantung sepenuhnya pada galah. Melalu pemerhatian ini orang Melayu memilih ‘galah’ sebagai metafora dalam pantun kasih sayang.

Persoalannya, “kenapa” galah itu melambangkan arah hubungan percintaan? Dari segi falsafahnya, cinta merupakan sikap kasih sayang terhadap orang lain sama ada orang yang dikenali atau tidak dikenali serta mengandungi perasaan, kepedulian, keprihatinan, kelembutan, sokongan, dan

kefahaman terutamanya ketika seseorang itu sedang sedih atau memerlukan (Sprecher, S., & Fehr, B. 2005). Firman Allah S.W.T dalam surah Al-Rum (30): 21;

"Dan di antara tanda-tanda (kebesaran-Nya ialah Dia menciptakan pasangan-pasangan untukmu dari jenismu sendiri, agar kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya, dan Dia menjadikan di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir".

Berdasarkan ayat ini, dapat difahami bahawa dalam Islam, Allah ada berfirman tentang perasaan cinta dan rahmah di antara manusia (Mohd Asri Zainul Abidin 2019). Namun begitu, hubungan cinta dan sayang ini perlulah mengikut syariat Islam yang betul dan tidak melampaui batas serta diakhiri dengan perkahwinan (Syaiful 'An 2008). Penafsiran ayat al-Quran ini menunjukkan bahawa rasa cinta sebelum pernikahan wujud dan dibolehkan. Perkara yang hendak ditekankan oleh pengkaji berdasarkan penafsiran firman Allah ini adalah percintaan haruslah mempunyai arah yang betul supaya tidak melampaui batas agama. Berdasarkan kepada baris makna Pantun 1, makna pantun merujuk kepada arah hubungan percintaan antara dua orang kekasih iaitu "boleh jumpa dengan orang tua, boleh abang kira meminang". Bait pantun ini menggambarkan usaha seorang lelaki untuk meminang kekasihnya setelah mereka menjalinkan cinta di antara satu sama lain.

Maka maksud metafora 'Galah tak sampai disambung dua' adalah usaha untuk meminang yang menghadapi kesukaran, namun lelaki tersebut tetap berusaha untuk meminang kekasih atas sebab rasa cinta. Di sini menunjukkan arah percintaan yang penuh dengan usaha bagi memacu kesungguhan dan keberaniannya untuk meminang kekasih hatinya. Interpretasi ini disokong dengan baris kedua pembayang iaitu 'Lancang tenggelam kita berenang' yang menunjukkan kesanggupannya meneruskan hasrat untuk meminang. Dapat simpulkan bahawa baris pembayang mempunyai perkaitan dengan baris makna pantun tersebut. Selain itu, terdapat juga pantun yang mengandungi frasa "patah galah" contohnya,

Pantun 2

Asap api embun berderai,
Patah galah haluan perahu;
Hajat hati tak ndak bercerai,
Perintah Allah siapa tahu.

Pantun 3

Tetak galah mudik ke Jelai,
Batang pinang dalam perahu;
Apa salah kita bercerai,
Sementara tunang belum tahu.

Pantun (2) dan (3) ini menunjukkan objek galah yang patah akan membawa maksud bercerai dan terpisah di pertengahan jalan. Hal ini menunjukkan bahawa arah percintaan yang tidak berjaya. Secara umumnya, tidak semua hubungan percintaan yang terjalin akan berakhir dengan penikahan kerana jodoh merupakan satu hal yang sudah ditetapkan oleh Allah kerana Dia yang mengetahui segala kebaikan dan keburukan yang tersirat di sebalik jodoh yang dilihat baik itu (Walid, Ahmad Kamil, Syed Najihuddin 2018). Soal berkaitan dengan arah percintaan yang tidak berjaya ini dianalogikan oleh masyarakat Melayu terdahulu dengan objek 'galah' yang patah. Di sini, terserlah kebijaksanaan orang Melayu dalam memilih objek seperti 'galah' kerana ciri-ciri galah yang rapuh dan mudah patah jika terkena batu atau arus yang terlalu kuat. Selain itu, jika muatan atau penumpang di atas rakit melebihi had yang sepatutnya turut menjadi penyebab galah tersebut patah kerana "galah" tidak mampu untuk mengubah haluan rakit yang berat.

Pada masa yang sama, “galah” yang pendek dan tidak kukuh ini juga diibaratkan seperti seseorang lelaki itu belum cukup bersedia dari segi ilmu rumah tangga dan kemampuan untuk berumah tangga.

4.2. Pantun Kemudi

Bahagian ini menumpukan analisis secara terperinci tentang pantun yang mengandungi objek ‘kemudi’. Kemudi bermaksud sejenis alat yang terdapat di buritan pengangkutan air yang berfungsi sebagai penentu haluan (Budi Utomo 2010).

Pantun 4

Penat sudah saya kemudi,
Tidak sampai Pulau Daik;
Penat sudah mencampak budi,
Tidak juga dapat baik.

4.2.1. Tahap Pertama

Secara harfiahnya, dalam baris pertama pantun ini menggambarkan pelayar atau pengembara yang sudah penat mengemudi untuk menuju ke destinasinya iaitu ke Pulau Daik. Namun, tidak juga tiba ke destinasinya iaitu Pulau Daik. Walaupun pelayar atau pengambara tersebut sudah penat menabur bakti dan budi kepada orang lain namun, masih tidak mendapat balasan yang baik akan budinya telah ditabur tersebut.

4.2.2. Tahap Kedua


Analisis ini dimulakan dengan pemahaman bentuk-bentuk logik leksikal “kemudi” terlebih dahulu. Analisis ini dikenali sebagai analisis eksplikatur – bentuk logik. Jadual 5 menunjukkan contoh analisis eksplikatur – bentuk logik.

Jadual 5 Analisis eksplikatur – bentuk logik objek “kemudi”

Eksplikatur	**Bentuk Logik**
Kemudi	KEMUDI = Sejenis perkakas di buritan kapal (perahu) untuk mengawal arah pelayarannya atau alat untuk memandu arah perjalanan kereta atau kapal terbang - stereng pada kereta. (Kamus Dewan Perdana 2020)

Selepas bentuk logik dibentuk dan difahami secara asas, seterusnya adalah proses pengukuhan maklumat ensiklopedia pada pendengar atau pembaca pantun. Bentuk logik yang terhasil akan lebih mudah untuk mencapai tahap kerelevanan tertinggi jika pendengar atau pembaca berada dalam lingkungan persekitaran kognitif pemantun. Maklumat ensiklopedia yang dapat dihasilkan adalah seperti KEMUDI IALAH ALAT PEGANGAN YANG DIBUAT DARIPADA KAYU, KEMUDI BERBENTUK BULAT SEPERTI STERENG, KEMUDI ITU DAPAT MENGGERAKKAN SESUATU dan KEMUDI ADALAH PENENTU ARAH DAN HALUAN. Maklumat-maklumat ensiklopedia yang terhasil ini adalah daripada pengetahuan sedia ada dan pengalaman yang dilalui oleh pendengar atau pembaca.
Berdasarkan maklumat ensiklopedia yang sedia ada pendengar dan pembaca mengetahui bahawa kemudi digunakan untuk menentukan arah dan haluan kapal atau perahu sebagai fungsi utama. Setelah proses

pengukuhan ensiklopedia dilakukan, analisis ini diteruskan dengan proses penyempitan makna bagi leksikal "kemudi". Proses ini adalah untuk mengenal pasti makna sebenar metafora KEMUDI. Berikut merupakan proses penyempitan makna metafora KEMUDI.



Rajah 4 Laluan inferens KEMUDI

Melalui pemadanan bentuk logik dan maklumat ensiklopedia, pengkaji dapat membentuk laluan inferens terhadap leksikal KEMUDI kepada HALUAN*. Dalam pengaplikasian ini, kandungan eksplisit digabungkan dengan konteks bagi mendapatkan implikatur. Konsep KEMUDI disempitkan kepada HALUAN*. Hal ini demikian kerana, fungsi KEMUDI adalah sama dengan fungsi KAKI iaitu penentu arah. Melalui penyempitan makna HALUAN*, konsep mengawal arah, memandu arah, alat seperti kayu pegangan atau stereng ditambah. Dalam hal ini, andaian-andaian terus diakses dan eksplikatur berserta konteks masih menjadi rujukan utama untuk membentuk andaian-andaian implikatur yang relevan dengan ujaran berkenaan. Untuk menentukan implikatur yang dibina itu tepat, pendengar atau pembaca perlu merujuk semula premis dalam baris pembayang pantun iaitu menunjukkan seseorang yang menuju ke sesuatu arah (Pulau Daik).

Langkah seterusnya adalah dengan menyenaraikan inferens yang paling relevan untuk diproses. Selepas proses penyempitan makna KEMUDI dilakukan, maka lapisan implikatur dapat dikesan oleh pendengar atau pembaca dengan lebih jelas. Jelas di sini menunjukkan bahawa Pantun 4 bukanlah ujaran yang dikomunikasikan tetapi merupakan ujaran yang diekspresikan oleh pemantun. Berikut ialah senarai inferens yang bakal ditolak dan dipilih oleh pendengar atau pembaca untuk mencapai kerelevanan yang paling optimum.


a. KEMUDI ITU DIPERBUAT DARIPADA CENGAL
b. KEMUDI ITU KEMUDI ITU KUAT DAN KUKUH
c. KEMUDI ITU HALUAN DESTINASI
d. KEMUDI ITU HALUAN*

Pilihan (a) tidak dipilih kerana tiada makna metafora. Pilihan (a) hanya menerangkan jenis kayu yang digunakan untuk menghasilkan kemudi. Interpretasi (b) menunjukkan ciri-ciri dan sifat kemudi tersebut, tetapi interpretasi ini tidak membawa maksud yang ingin disampaikan oleh pemantun. Pilihan (c) menunjukkan berlaku aktiviti mental yang berbentuk metonimi apabila mengambarkan kemudi itu merujuk kepada haluan destinasi. Namun begitu, pilihan ini belum mencapai makna sebenarnya yang ingin disampaikan dalam Pantun 4. Berdasarkan andaian kontekstual dan kesan kognitif yang tinggi sebelum ini, pilihan (d) ialah inferens yang paling relevan dan membawa kepada makna sebenar yang ingin disampaikan oleh pemantun iaitu HALUAN* yang mengandungi makna "arah".

Premis-premis tambahan yang terdapat dalam pantun tersebut turut membantu konteks yang dibekalkan supaya menjadi lebih jelas. Frasa seperti "penat", "tidak sampai", "Pulau Daik", dan "mencampak budi" menunjukkan arah kasih sayang yang tidak kesampaian. Berdasarkan premis-premis ini, pengkaji menginterpretasi "arah" tersebut merujuk kepada arah kasih sayang dalam rumah tangga. Hal ini demikian kerana, penggunaan kemudi hanya pada kapal atau pengangkutan air yang bersaiz besar.

Dalam Pantun 4 ini menunjukkan arah kasih sayang yang tidak kena pada tempat dan orangnya. Dalam baris makna, budi boleh diinterpretasikan sebagai kasih sayang kerana maksud "budi" ini sangat luas. Menurut Hashim Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi dan Siti Sarah Karim (2012), kasih sayang merupakan salah satu teras hati budi Melayu. Jadi, dapat ditafsirkan frasa "mencampak budi" itu sebagai usaha pemantun memberikan kasih sayang kepada kekasihnya Di samping itu juga, melalui pola-pola pantun yang mengandungi leksikal kemudi menunjukkan makna arah kasih sayang.

Seterusnya, dalam konsep ad-hoc penyempitan pendengar atau pembaca akan memilih inferens yang paling hampir atau yang paling relevan dalam lingkungan C* bagi leksikal KEMUDI. Setelah itu, terhasillah makna yang diinginkan iaitu HALUAN*, maka inferens yang berada dalam lingkungan L akan tergugur dengan sendirinya. Rajah 5 menunjukkan rajah Venn bagi proses kognitif yang terjadi dalam minda manusia berdasarkan inferens yang telah dihasilkan.



Rajah 5 Proses ad-hoc penyempitan leksikal KEMUDI

Seterusnya, analisis bergerak ke tahap ketiga iaitu tahap inkuisitif. Tahap ini akan menjawab segala persoalan (kenapa) dengan mengaitkan falsafah dan akal budi Melayu di sebalik pemilihan dan penggunaan objek "kemudi" dalam pantun. Hal ini sekali gus dapat menyerlahkan kebijaksanaan orang Melayu dalam mencipta pantun.

4.2.3. Tahap Ketiga

Analisis pada tahap ketiga iaitu tahap inkuisitif mendapati bahawa pemilihan sesuatu objek seperti "kemudi" tidak dipilih sebarangan atau berlaku secara kebetulan tetapi mempunyai kaitan dengan penciptaan sesebuah pengangkutan air dalam masyarakat Melayu terdahulu. Persoalannya, "kenapa" unsur kemudi dipilih dalam Pantun 4. Kesemua arah atau haluan yang dituju oleh pengangkutan air ini ditentukan dan dibawa dengan menggunakan kemudi (Budi Utomo 2010).

Berdasarkan Pantun 4, pengembara ini tidak mampu untuk mengemudi pengangkutan air yang kecil dan tidak sesuai untuk menuju ke destinasinya iaitu Pulau Daik. Pengembara berkemungkinan menggunakan pengangkutan air yang bersaiz kecil seperti sampan, kolek atau biduk. Pengangkutan air yang kecil mempunyai kemudi bersaiz kecil dan tidak mampu menempuh ombak besar dan gelora di

lautan yang lebih dalam. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan pengangkutan air yang kecil seperti sampan, kolek atau biduk tidak dapat pergi ke tempat yang lebih jauh kerana tidak mempunyai kelengkapan pelayaran yang cukup terutamanya dari segi saiz.

Persoalannya di sini, "kenapa" orang Melayu memilih objek "kemudi" dalam pantun yang bertemakan kasih sayang. Menurut Aristotles, hanya orang yang mempunyai pemikiran yang sangat kreatif atau genius sahaja yang dapat membentuk metafora (Samuel R. Levin 1982). Penyataan tersebut membuktikan bahawa orang Melayu terdahulu merupakan masyarakat yang bijaksana dalam mengamati alam sekeliling. Orang Melayu memilih objek "kemudi" sebagai analogi arah kasih sayang dalam sesebuah institusi rumah tangga kerana penciptaan kemudi sangat rumit dan perlu mengambil kira pelbagai pertimbangan supaya kemudi menjadi kuat, kukuh, stabil dan mampu menahan badai serta gelora ombak yang besar. Hal ini mempunyai perkaitan dengan sesebuah rumah tangga yang terbina dan diibaratkan seperti sebuah pelayaran kapal yang penuh dengan pelbagai cabaran di tengah lautan. Bermula dengan pemilihan kayu Cengal dan bukannya buluh sudah menunjukkan bahawa "kemudi" merupakan salah satu bahagian kapal yang tahan lasak dan kukuh. Ciri-ciri "kemudi" yang kukuh ini dianalogikan dengan arah atau haluan ikatan suami isteri dan kekeluargaan yang haruslah bertahan bersama-sama dengan segala ujian dan cabaran yang menimpa.

Kemudi yang kukuh dan besar mampu membawa kapal atau perahu yang bersaiz besar. Kemudi juga lebih banyak digunakan untuk merentas lautan dalam. Hal ini dapat membuktikan bahawa kemampuan kemudi untuk menentukan arah dan haluan kapal yang sarat dengan muatan serta lokasi yang ditujui. Falsafah di sebalik kemampuan kemudi ini merujuk kepada arah perjalanan sebuah ekosistem kekeluargaan dalam masyarakat Melayu. Hal ini demikian kerana, hubungan antara suami dan isteri bukan hanya melibatkan dua individu sahaja, tetapi termasuk juga keluarga di kedua-dua belah pihak. Misalnya, jika kemudi yang kukuh itu patah sudah tentu kapal tidak boleh bergerak dan berkemungkinan karam. Sebagai contoh, Pantun (5) dan (6);

Pantun 5
Serampang laut nama lagunya,
Lawan menyanyi berganti-ganti;
Kemaskan kemudi dengan sempurna,
Tak karam diharung sampai ke tepi.

Pantun 6
Hujan panas embun berderai,
Patah kemudi haluan perahu;
Hajat hati tak hendak bercerai,
Kuasa Allah siapa tahu.

Pantun (5) dan (6) menunjukkan kesan jika kemudi tidak cukup kukuh atau patah akan menyebabkan kapal karam dan tiada arah tujuan. Perkara ini tidak hanya melibatkan pasangan suami isteri sahaja. Jika berlaku penceraian, hal ini akan melibatkan seluruh ahli keluarga termasuklah keluarga di sebelah mertua. Sebagai analogi mudah, apabila kapal karam melibatkan ramai orang akan tenggelam. Oleh hal yang demikian, terdapat banyak nasihat dalam pantun supaya jaga kemudi dengan baik agar kapal dapat belayar dengan elok dan sampai di destinasi yang dituju. Berdasarkan Pantun 4, makna pantun menunjukkan pemantun gagal mengarahkan kasih sayang ke tempat yang betul. Hal ini merujuk kepada frasa "Pulau Daik" yang merupakan tempat bangsawan dan raja-raja Melayu terdahulu. Menurut sejarah dalam buku Kerajaan Johor, 1721-1824: Meneliti Penglibatan Dan Peranan Bugis-Makassar (2009) oleh Abdullah Zakaria, Raja Mahmud masih berusia setahun ketika dinobatkan sebagai Sultan menggantikan Sultan Ahmad Riayat Shah (Marhum Tengah) yang mangkat tahun 1761 dan baginda bersemayam di sebuah istana yang dikenali Istana Dammah. Kini, masih terdapat lagi tapak lama Istana Dammah yang menjadi pusat pemerintahan Johor-Riau dahulu.



Rajah 5.8 Tapak tinggalan Istana Dammah

Sumber: https://gowest.id/

Nasihat yang ingin disampaikan melalui pantun ini adalah kasih sayang mestilah ditabur di tempat yang betul dan pada orang yang betul. Walaupun kita sebagai manusia yang penuh dengan budi dan kasih sayang, namun kita perlu tumpahkan pada orang yang betul. Hal yang dapat disimpulkan melalui analisis-analisis pantun yang mengandungi ‘galah’ dan ‘kemudi’ adalah merujuk kepada kasih sayang dalam kehidupan manusia perlulah dikemudikan dengan baik supaya tidak terputus di tangah jalan ibarat kapal yang karam di tengah pelayaran.

5.0 Kesimpulan

Pemilihan objek dalam sesebuah penciptaan pantun bukan sekadar penyedap rima pantun sahaja, namun sarat dengan ilmu dan falsafah yang melangkaui pelbagai disiplin ilmu. Segala pengalaman pelayaran mahupun kemahiran membina pengangkutan air terangkum dalam serangkap pantun yang membawa makna tertentu dalam kasih sayang. Setiap pengangkutan air dibina berdasarkan bahagian-bahagian tertentu untuk membentuk sebuah pengangkutan air yang sempurna. Bahagian terpenting dalam sesebuah pengangkutan air ialah galah dan kemudi. Galah digunakan untuk mengubah dan menentukan haluan rakit manakala kemudi digunakan pada pengangkutan air yang lebih besar seperti kapal. Galah dan rakit mempunyai perkaitan yang sangat rapat. Jika rakit merujuk kepada perasaan percintaan, maka galah pula merupakan arah terhadap percintaan tersebut. Penggunaan galah melalui pantun menunjukkan arah percintaan yang tidak berjaya kerana ilmu perkahwinan dan persediaan untuk mendirikan rumah tangga yang belum cukup ini diibaratkan seperti galah yang mudah patah dan rapuh. Kemudi menunjukkan arah kasih sayang yang lebih kukuh iaitu seperti haluan kasih sayang berumah tangga. Arah perkahwinan atau rumah tangga yang dikemudikan dengan baik akan meraih kebahagiaan yang kekal, namun jika arah itu salah maka rumah tangga tersebut akan karam secara keseluruhannya seperti kapal. Kajian ini dapat meluaskan sudut pandang terhadap pengkajian pantun di Malaysia tidak hanya melihat makna tersirat semata-mata sebaliknya menjadikan kajian pantun dan kajian semantik bersifat multidisiplin dan terbuka. Ilmu linguistik dan semantik khususnya haruslah bersifat lebih terbuka dan tidak sekadar berlegar-legar dalam ruang lingkup yang linguistik sahaja. Hal ini demikian kerana sesebuah ilmu bersifat meluas dan tidak keterbatasan kepada satu-satu hal sahaja.

Rujukan

Al-Quran. Surah Al-Rum. Juz 30: 21

Budi Utomo. 2010. Analisa Kinerja Kemudi Kapal "Mv Sirena" Pada Pelayaran Percobaan Kapal Baru. Indonesia. *TEKNIK* – Vol. 31 No. 2 151-157, ISSN 0852-1697

Cartson, R. 2002a. *Thoughts and Utterances: The Pragmatics of Explicit Communication*.Oxford: Blackwell.

Carston, Robyn. 2002b. Metaphor, Ad-Hoc Concept and Word Meaning More Question an Answer. [http://www.phon.ucl.ac.uk/home/robyn/pdf/uclwpl142002.pdf]. [9 Disember 2009].

Charteris Black. 2000. Figuration, lexis and cultural resonance: A corpus based study of Malay. *Journal of Pragmatics*. 10:3, 281-300.

Charteris Black. 2003. Speaking with forked tongue: A comparative study of methapor and metonymy in English and Malay phraseology. University of Surrey: Department of Linguistic, Culture & International Studies. *Methapor and Symbol*. 18(4), 289-310.

Cruse, Alan. 2000. Meaning in Language: An Introduction to Semantics and Pragmatics. Oxford: Oxford University Press.

Hasanuddin Yusof. 2020. *Teknologi Kesultanan Melaka: Membongkar Keagungannya Berdasarkan Catatan Portugis*. Seremban. Alami Sdn. Bhd.

Hashim Haji Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi, Siti Sarah Ab. Karim. 2012. Hati budi melayu: kajian keperibadian sosial Melayu ke arah penjanaan Melayu gemilang. *GEMA Online Journal of Language Studies Vol*. 12(1), 163 182.

Hassan Ahmad. 2003. *Metafora Melayu: Bagaimana Pemikir Melayu Mencipta Makna dan Membentuk Epistemologinya*. Bangi. Akademi Kajian Ketamadunan.

Hassan Ahmad. 2016. *Bahasa dan Pemikiran Melayu: Pesanan Terakhir Pejuang Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Isa Romtie, Asmiaty Amat, Lokman Abdul Samad. 2018. Unsur maritim dalam pantun Cocos di Sabah. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi Jilid 15*. Ipoh. Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh.

Kamus Dewan Perdana. 2020. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairulanwar Abdul Ghani dan Noriah Mohamed. 2019. Analisis sosiosemiotik terhadap konsepsi lambang flora dalam pantun nasihat. *Journal of Advanced Research Design 57,Issue 1* (2019) 120.

Khalila Ilia & Mohd Faizal. 2014. Makanan dalam pembayang pantun Melayu berdasarkan Kumpulan Kurik Kundi Merah Saga: satu pengamatan awal. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi, Sejarah dan Budaya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 167-180.

Kurik Kundi Merah Saga: *Kumpulan Pantun Lisan Melayu*. 2013. Edisi kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

MAZA. 2019. *Fitrah lelaki untuk wanita*. Video pendek. PRO Media TAJDID.

Madiawati Mamat@Mustaffa, Nurhamizah Hashim, Eizah Mat Hussain. 2020. Manifestasi Perpaduan Dalam Era Malaysia Baharu Melalui Kumpulan Pantun Warisan. *Jurnal Melayu Bil. 19(1)*. ISSN 1675-7513.

Nor Hashimah Jalaluddin. 2014. *Semantik dan Akal Budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Pelestarian dan perekayasaan bahasa: Mendakap khazanah menenun inovasi. *Jurnal Linguistik Vol. 19(1)*. Hlm. 1-13.

Nor Hashimah Jalaluddin. 2020. *Kecendekiaan Melayu Melalui Bahasa Sastera dan Budaya Sumbangsih untuk Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim*. Kuala Lumpur. Penerbit Univerisiti Malaya.

Nuru Aminah Basharuddin & Hasnah Mohamad. 2014. Interpretasi pantun daripada perspektif semiotik. *Jurnal Linguistik Vol 18(1)*. Hlm. 1-9.

Samuel R. Levin. 1982. *Aristotle's theory of metaphor. Philosophy & Rhetoric Vol. 15*, No. 1: 24 46. Penn State University Press.

Sprecher, S., & Fehr, B. 2005. Compassionate love for close and humanity. *Journal of Social and Personal Relationships*, 22, 629-651.

Suziana Mat Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Imran-Ho Abdullah. 2017. Kehidupan Adalah Perjalanan: Analisis Metafora Konseptual Dalam Salina Dan La Vie Devant Soi. *Akademika 87(1)*, April 2017:189-205.

Syaiful' An. 2008. *Hadis tentang anjuran menikah*. Tesis Sarjana Usuluddin. Yogyakarta. Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.

Walid Bin Mohd Said, Ahmad Kamil Bin Jamilin, Syed Najihuddin Bin Syed Hassan. 2018. Mencari jodoh: Motivasi dari teladan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Kaunseling*. UPSI.

Zarina Tajuddin & Anida Saruddin. 2018. Metafora bunga kiambang dalam pantun Melayu berdasarkan Teori Relevans dan rangka rujuk silang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 3(16)*, 01-17 eISSN: 0128-164X.

Penghargaan

Artikel ini berasaskan kepada penyelidikan TD-2014-006, ‘Elemen saintifik dalam Bahasa Kiasan Melayu

Biodata Penulis

Maulana Al-Fin Che Man ialah pelajar Ijazah Sarjana Doktor Falsafah di Institut Alam dan Tamadun Melayu di bawah seliaan Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin dan Dr. Junaini Kasdan. Beliau baru sahaja lulus peperiksaan lisan bagi tesis PhD dalam bidang semantik dan sedang giat menghasilkan penerbitan artikel jurnal.

Nor Hashimah Jalaluddin (PhD) ialah Profesor Felo Tamu di Institut Alam dan Tamadun Melayu. Beliau mengkhusus dalam bidang semantik, pragmatik dan geolinguistik.